

قلن ستراتيکي  
كمترین حال احوال دالم نگري

# PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

2023 - 2027

Diterbitkan oleh:

Pejabat Pengurusan Strategik  
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri  
Jalan James Pearce  
Bandar Seri Begawan BS8610  
Negara Brunei Darussalam  
emel: osm@moha.gov.bn  
Laman sesawang: <https://www.moha.gov.bn>

© Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, 2023

Pertama diterbitkan pada Mac 2023

Penerbitan ini tidak boleh dicetak / diterbitkan semula dengan apa-apa cara sama ada dalam bentuk elektronik, pencetakan semula, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Sebarang penggunaan isi kandungan atau bahan dari buku ini adalah ditegah kecuali mendapat kebenaran daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin  
Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

# PETIKAN TITAH

---

"Oleh itu, Negara Brunei Darussalam sendiri mesti seiring dengan rakan-rakan membuat perubahan, dengan sistem negara, ekonomi, pendidikan dan keselamatan diperkuuhkan sebagaimana merujuk kepada Blueprint-Blueprint, Pelan-Pelan Induk dan Pelan-Pelan Strategik yang dikeluarkan, sama ada diperingkat kementerian mahupun nasional.

Brunei turut teruja dengan perkembangan transformasi digital untuk menuju aspirasi menjadikan negara sebagai sebuah negara pintar. Maka untuk itu, kerjasama strategik yang berterusan di antara semua pihak yang berkepentingan adalah diperlukan bagi menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran bagi mencapai kemajuan kearah *smart city*.

Apa yang Beta harapkan, mereka yang berkhidmat dalam sektor awam atau swasta akan mengamalkan budaya kerja yang berintegriti tinggi, bertanggungjawab dan patuh kepada peraturan dan undang-undang. Isu keruntuhan dan kelemahan etika dan moral dalam melaksanakan amanah boleh menjadi penyebab kepada keburukan amalan rasuah, pecah amanah atau salah guna kuasa untuk kepentingan peribadi. Beta yakin, manakala sifat seumpama ini dihapuskan, insya Allah, negara akan selamat dan sentiasa diberkati untuk menuju kejayaan."



# SEPATAH BICARA



Yang Berhormat Dato Seri Setia  
Awang Haji Ahmaddin bin  
Haji Abdul Rahman  
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah dapat menghasilkan Pelan Strategik bagi tempoh lima tahun bagi Tahun 2023-2027 sebagai pamacu ke arah pencapaian dan hala tuju untuk mencapai Visi, Misi dan Aspirasi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Pelan Strategik ini dihasrat akan dapat menjadi sumber rujukan asas dan memberikan hala tuju yang lebih teratur, terarah dan terancang dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif strategik Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Dalam tempoh lima tahun ini akan memfokuskan kepada tiga Aspirasi Kementerian iaitu Keselamatan dan Kesejahteraan; Transformasi Pembangunan Bandar dan Daerah, dan Memperkasakan Pembangunan Komuniti; dan Tadbir Urus Yang Baik dan Penyampaian Perkhidmatan Yang Berkualiti.

Dalam memastikan Pelan Strategik ini dapat dilaksanakan seperti mana yang dihasratkan, pegawai dan kakitangan di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri termasuk pemimpin-pemimpin di peringkat akar umbi adalah memainkan peranan yang sangat penting, ini termasuklah Nilai-Nilai Teras iaitu Bersatupadu, Berintegriti, dan Berinovatif; Efisien dan Efektif; Resilien dan Ramah; Saksama, Syura dan Sabar; Akauntabiliti dan Amanah; Teguh dan Taqwa; dan Ukhwah (BERSATU). Dengan adanya kerjasama dan penglibatan aktif dari semua pihak, In Sya Allah, segala inisiatif yang akan dan sedang diungkayahkan akan dapat dilaksanakan dengan baik dan seterusnya dapat meyumbang kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Akhir sekali, saya dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan ribuan Terima Kasih kepada semua pihak yang terlibat di atas komitmen, dedikasi dan daya usaha dalam mendokumentasikan Pelan Strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun 2023-2027 ini.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



# ISI KANDUNGAN

1

Visi dan Misi

2

Nilai - Nilai Tenas

3

Aspirasi Kementerian

4

Inisiatif - Inisiatif Strategik

5

Pencapaian Strategik



## VISI

### Bersama Mengkalkan Brunei Darussalam Yang Aman, Makmur dan Dinamik

Bersandarkan kepada ayat Al-Quran dari Surah Saba' [34] ayat 15 iaitu "Baladun Tayyibatun Warrabbun Ghaffur" (Negara yang aman sejahtera lagi makmur, dan berdiri kukuh di bawah keredhaan dan keampunan Allah Subhanahu Wa Ta'ala), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan terus komited dalam mengekalkan Keamanan, Kemakmuran dan Kesejahteraan negara serta memastikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang dinamik dari pelbagai aspek dengan penglibatan dari semua pihak yang berkepentingan termasuk diperingkat akar umbi melalui pendekatan "*Whole of Government*" dan "*Whole of Nation*".

## MISI

### Bersatu Padu Dalam Mengukuhkan Pembentukan Dan Perlaksanaan Dasar Dan Inisiatif Ke Arah Brunei Yang Selamat, Harmoni Dan Berkembang Maju



# ISI KANDUNGAN

- 1 Visi dan Misi
- 2 Nilai -Nilai Teras
- 3 Aspirasi Kementerian
- 4 Inisiatif - Inisiatif strategik
- 5 Pencapaian Strategik

# برساتو

# NILAI NILAI TERAS

- |          |  |  |
|----------|--|--|
| <b>B</b> | Bersatu padu, Berintegriti,<br>Berinovatif | <ul style="list-style-type: none"><li>• Bersatu padu disemua peringkat dan lapisan dengan mengamalkan sikap integriti serta berinovatif untuk terus kekal relevan dari masa ke semasa.</li></ul>   |
| <b>E</b> | Efisien, Efektif                           | <ul style="list-style-type: none"><li>• Melaksanakan dan menghasilkan tugas dengan cekap dan berkualiti.</li></ul>   |
| <b>R</b> | Resilien, Ramah                            | <ul style="list-style-type: none"><li>• Berdaya-tahan dan tidak mudah berputus asa serta mempunyai keinginan untuk memperbaiki diri dari masa kesemasa.</li><li>• Berbudi Bahasa, baik hati , bersopan santun dan tidak camah mata.</li></ul>                                      |
| <b>S</b> | Saksama, Syura, Sabar                      | <ul style="list-style-type: none"><li>• Sentiasa mengamalkan sikap adil dan saksama serta sering membuat permuzakarah (syura) sebelum membuat sebarang keputusan dan sentiasa bersabar dalam menghadapi segala cabaran.</li></ul>  |
| <b>A</b> | Akauntabiliti, Amanah                      | <ul style="list-style-type: none"><li>• Mempunyai sikap bertanggungjawab, komited, jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas untuk meningkatkan tahap produktiviti.</li></ul>  |
| <b>T</b> | Teguh, Taqwa                               | <ul style="list-style-type: none"><li>• Berpegang teguh kepada ajaran-ajaran ugama Islam menurut Ahli Sunnah Waljamaah dan bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala serta menjadikan Falsafah Melayu Islam Beraja sebagai pegangan hidup seharian (<i>Way of Life</i>).</li></ul> |
| <b>U</b> | Ukhwah                                     | <ul style="list-style-type: none"><li>• Mengeratkan hubungan silaturrahim diantara warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan masyarakat, institusi-institusi, agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dan sebagainya.</li></ul>  |



# ISI KANDUNGAN

- 1 Visi dan Misi
- 2 Nilai-Nilai Teras
- 3 Aspirasi Kementerian
- 4 Inisiatif - Inisiatif Strategik
- 5 Pencapaian Strategik




# ASPIRASI KEMENTERIAN

WAWASAN 2035  
MATLAMAT DUA

- Kualiti Kehidupan Yang Tinggi

## ASPIRASI KEMENTERIAN HAL EHWAJ DALAM NEGERI

- Keselamatan dan Kesejahteraan
- Transformasi pembangunan Bandar dan Daerah; dan memperkasakan pembangunan komuniti
- Tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti




## ASPIRASI I: KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN

---

*"Pembangunan tidak akan berjalan lancar sekiranya peraturan dan undang-undang tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kerana itu langkah menguatkuasakan peraturan dan undang-undang amatlah perlu."*

PETIKAN TITAH SEMPENA ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MESYUARAT PERTAMA DARI PERMESYUARATAN KE-14 MAJLIS MESYUARAT NEGARA (MMN), TAHUN 1439 H / 2018 M

Memperkuatkan keselamatan dan kesejahteraan dengan memantapkan keupayaan perlaksanaan dan penguatkuasaan undang – undang melalui pengukuhan dasar, penambahbaikan infrastruktur dan memperluaskan penggunaan teknologi, disamping memastikan aset-aset adalah dalam keadaan siap siaga dan penglibatan yang aktif dari komuniti.



## **ASPIRASI 2: TRANSFORMASI PEMBANGUNAN BANDAR DAN DAERAH; DAN MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KOMUNITI**

---

*"Sehingga sekarang kita masih bercakap mengenai kepimpinan, kerana kita sememangnya masih memerlukan kepimpinan yang berwibawa diperingkat akar umbi. Dengan adanya kepimpinan seperti ini, dapatlah diharapkan masyarakat akan menerima kesannya lebih mendalam bagi menghasilkan kemajuan yang lebih pesat dilingkungan mukim dan kampung."*

PETIKAN TITAH SEMPENA MAJLIS ANUGERAH KAMPUNG CEMERLANG PERINGKAT KEBANGSAAN KALI KE-3, TAHUN 1435 H / 2014 M

Memberikan penekanan kepada pembangunan bandar dan daerah yang mampan dan berdaya tahan, melalui penglibatan aktif daripada pemimpin-pemimpin akar umbi dengan kerjasama masyarakat khususnya Majlis Perundingan Mukim dan Kampong dalam memastikan ketersediaan prasarana bagi komuniti, memperluaskan penggunaan teknologi, menitikberatkan kebersihan alam sekitar, menjamin ekosistem pembangunan masyarakat yang kondusif agar ianya sentiasa relevan, yang mana kesemua ini akan dapat membantu memperkasakan masyarakat yang tampil kehadapan dalam mengambil peranan menerajui pelbagai inisiatif pembangunan diri (*self -empowerment*).

*"Dan sehubungan itu telah memaksa sektor awam dan swasta untuk menerapkan budaya penggunaan Teknologi Maklumat dalam kehidupan seharian. Ini menjadikan kita perlu mempercepatkan pengukuhan Transformasi Digital bagi memastikan norma baharu dapat dilaksanakan dengan berkesan. Perkara ini adalah selaras dengan matlamat Pelan Induk Ekonomi Digital 2025. Semua ini, setentunya memerlukan kesepaduan dan kesepakatan dalam membuat sebarang keputusan."*

PETIKAN TITAH SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-38, TAHUN 1443 H / 2022 M


*"Dalam melahirkan barisan pemimpin yang kompeten dan berwibawa, beta menyeru supaya ditingkatkan lagi standard latihan, sambil menerapkan nilai-nilai kepimpinan mengikut ajaran Islam dan falsafah Melayu Islam Beraja."*

PETIKAN TITAH SEMPENA UPACARA SOVEREIGN'S PARADE PENGAMBILAN KE-15 SEKOLAH PEGAWAI KADET, AKADEMI PERTAHANAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, TAHUN 1438 H / 2017 M

## **ASPIRASI 3: TADBIR URUS YANG BAIK; DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI**

---

Perlaksanaan tadbir urus pengurusan dan pemberian perkhidmatan yang baik dan telus dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab secara telus, berakauntabiliti dan berhemat bagi pemberian perkhidmatan yang berkualiti secara berterusan dengan melaksanakan reformasi dasar, penggunaan teknologi dan peningkatan kapasiti melalui pendekatan '*'Whole of Government'* dan '*'Whole of Nation'*'.



# ISI KANDUNGAN

- 1 Visi dan Misi
- 2 Nilai -Nilai Teras
- 3 Aspirasi Kementerian
- 4 Inisiatif - Inisiatif Strategik
- 5 Pencapaian Strategik



# اپنی ایسپاٹیف ایسپاٹیف سنٹر اٹیکی

## INISIATIF STRATEGIK

### ASPIRASI I

IS1

Merebiu dan atau menggubal dasar dan garispanduan yang komprehensif serta efektif.

IS2

Mengukuhkan dan memantapkan keupayaan penguatkuasaan dengan penyediaan infrastruktur, penggunaan teknologi dan ketersediaan aset dan agensi.

IS3

Mempertingkatkan penglibatan komuniti bagi memupuk kewaspadaan masyarakat dalam hal ehwal keselamatan dan kesejahteraan.

# اپنی ایسپاٹیف اپنی ایسپاٹیف سنٹر اٹیکی

## INISIATIF STRATEGIK

### ASPIRASI 2

IS4

Mendokong pembangunan Bandar dan Daerah yang bersih, maju dan berdaya tahan agar kekal relevan mengambil kira perubahan persekitaran yang dinamik.

IS5

Memajukan kawasan-kawasan Bandar dan Daerah bagi memberikan keselesaan kepada penduduk kampung dan mewujudkan persekitaran yang kondusif dan relevan dengan pewujudan prasarana.

IS6

Mendokong dan memudahcara program pembangunan masyarakat.

اينيسياطيف اينيسياطيف  
ستراتيكي

# INISIATIF STRATEGIK ASPIRASI 3

IS7


Kolaborasi yang efektif dengan pihak-pihak berkepentingan di negara ini termasuk bantuan teknikal daripada organisasi antarabangsa.

IS8

Meningkatkan kompetensi warga kerja Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta pemimpin akar umbi dengan menyediakan program - program peningkatan kapasiti.

IS9

Melaksanakan reformasi dasar dan penggunaan teknologi.



# ISI KANDUNGAN

- 1 Visi dan Misi
- 2 Nilai -Nilai Teras
- 3 Aspirasi Kementerian
- 4 Inisiatif - Inisiatif Strategik
- 5 Pencapaian Strategik



# Kuih Bahulu Klasik



Bahan mentah iaitu Pokok Rumbia diperolehi dari yang tumbuh di kawasan Mukim Batu Apoi.

Pemerosesan Ambulong diadakan secara berkumpulan di Pondok Perekonomian Batu Apoi.




Keychain Replika  
'Sumboi-Sumboi'



# **ASPIRASI I: KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN**

## **Pencapaian Strategik**


- Pengurangan kadar kesalahan-kesalahan Imigresen dan Perburuhan serta pematuhan kepada peraturan dan perundangan yang berkuatkuasa
- Dasar dan undang-undang yang relevan dan efektif
- Peningkatan kesedaran dan kemahiran masyarakat dalam menangani isu-isu keselamatan dan kecemasan
- Ketersediaan infrastruktur, peralatan dan anggota bagi keselamatan dan kecemasan



# **ASPIRASI 2: TRANSFORMASI PEMBANGUNAN BANDAR DAN DAERAH; DAN MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KOMUNITI**

## **Pencapaian Strategik**

- Bandar dan Daerah yang maju, bersih serta berdaya tahan dan dinamik
- Ketersediaan prasarana bagi kemudahan awam dalam meningkatkan kesejahteraan kehidupan masyarakat agar kondusif dan relevan
- Persekutuan yang mendokong kepada pembangunan masyarakat dan sosio-ekonomi masyarakat yang berdikari
- Peningkatan dalam aktiviti perekonomian
- Pengeksportan produk tempatan (1K1P) yang berkualiti



# **ASPIRASI 3: TADBIR URUS YANG BAIK; DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG BERKUALITI**

## **Pencapaian Strategik**

- Pelaksanaan pendekatan ‘*Whole of Nation*’ dan ‘*Whole of Government*’
- Peningkatan efisiensi dan produktiviti
- Ketelusan dan peningkatan kesedaran pihak-pihak yang berkaitan
- Penggunaan sumber manusia yang cekap dan efisien
- Meningkatkan kepuasan pelanggan
- Pengurangan bilangan aduan
- Meningkatkan kompetensi kerja warga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan pemimpin akar umbi

# PENGHARGAAN

---

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI INGIN  
MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN  
TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT  
DALAM MERANGKA PELAN STRATEGIK KHEDN 2023 - 2027



**Pejabat Pengurusan Strategik**

**Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**Jalan James Pearce**

**Bandar Seri Begawan BS8610**

**Negara Brunei Darussalam**



**<https://www.moha.gov.bn>**



**osm@moha.gov.bn**



**@mohabrunei**